



## STANDARD OPERATION PROCEDURES (SOP) BAGI PENGANUGERAHAN DIPLOMA/IJAZAH SECARA JANJI TEMU DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### 1.0 PENGENALAN

Universiti Teknologi MARA (UiTM) sentiasa mengikuti dan memantau perkembangan penularan jangkitan COVID-19 berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

UiTM telah mengeluarkan beberapa Pekeliling dalaman sebagai panduan untuk warga UiTM dalam usaha memutuskan rantai wabak ini. Berikutan dengan saranan UiTM untuk melaksanakan Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu, garis panduan yang jelas diperlukan oleh pentadbiran universiti, graduan dan ibubapa (atau ahli keluarga/waris) untuk dijadikan rujukan.

### 2.0 OBJEKTIF

Tujuan SOP ini adalah bagi membantu pentadbiran UiTM (khususnya jawatankuasa/petugas di UiTM Shah Alam dan UiTM cawangan) termasuk graduan dan ibu bapa (atau ahli keluarga/waris) mengambil langkah-langkah mengawal penularan wabak COVID-19. Semua yang terlibat juga diminta sentiasa melayari laman web <https://konvokesyen.uitm.edu.my/v1/> untuk mendapatkan perkembangan terkini bagi pemakluman berkaitan penganugerahan ini.

### 3.0 LANGKAH-LANGKAH

Berikut merupakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh graduan, ibu bapa (atau ahli keluarga yang mengiringi graduan) dan staf UiTM:

#### TINDAKAN

##### **Sebelum hadir ke kampus**

#### PENERANGAN RINGKAS

- a. Graduan dan ibu bapa (atau ahli keluarga/waris) yang datang dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau *Patient Under Investigation* (PUI) dan *Person Under Surveillance* (PUS) dan yang mempunyai gejala seperti demam, selesema dan batuk **tidak dibenarkan** hadir. Deklarasi perlu dibuat semasa proses membuat janji temu.
- b. Graduan dan ibu bapa (atau ahli keluarga/waris) perlu mengisi Borang Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 UiTM secara dalam talian. Graduan dan ibu bapa (atau ahli keluarga/waris) yang berada dalam kategori D atau E (kategori risiko rendah) sahaja dibenarkan masuk ke kampus. Keputusan deklarasi perlu ditunjukkan kepada Polis Bantuan di pintu masuk kampus.

**TINDAKAN****PENERANGAN RINGKAS**

- c. Graduan dan ibu bapa (atau ahli keluarga/waris) yang berada dalam kategori A, B atau C (kategori risiko tinggi) akibat kesilapan mengisi Borang Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 UiTM, perlu hadir ke Pusat Kesihatan UiTM untuk pemeriksaan.
- d. Ibu bapa atau ahli keluarga/waris yang berumur 60 tahun dan ke atas tidak dibenarkan hadir. Kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah tidak dibenarkan hadir.
- e. Staf UiTM/Jawatankuasa yang bertugas hendaklah mengisi Borang Deklarasi Saringan Risiko COVID-19 UiTM secara dalam talian sebagaimana amalan harian sebelum hadir ke pejabat. Staf yang berada dalam kategori D atau E (kategori risiko rendah) sahaja akan hadir ke pejabat dan bertugas.

**Pendaftaran**

- a. Kaunter saringan diwujudkan di pintu masuk dewan bertujuan:
  - Memastikan bilangan kehadiran (staf/graduan/ibu bapa) dan membuat pemeriksaan suhu badan. Staf/graduan/ibu bapa dengan suhu badan melebihi 37.5 Celsius atau bergejala seperti demam, selesema dan batuk tidak dibenarkan masuk.
  - Memastikan (staf/graduan/ibu bapa) membuat imbasan *QR code* melalui aplikasi MySejahtera.
  - Ibu bapa (atau ahli keluarga/waris) yang tidak mempunyai telefon pintar akan didaftar secara manual.
- b. Staf/graduan/ibu bapa mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
- c. Staf/graduan/ibu bapa (atau ahli keluarga/waris) hendaklah sentiasa memakai pelitup muka (*face mask*) dan membersihkan tangan (*hand sanitizer*).  
Pelitup muka (*face mask*) perlu dibawa sendiri oleh staf/graduan/ibu bapa (atau ahli keluarga/waris).
- d. Kehadiran graduan adalah mengikut janji temu yang telah ditetapkan sahaja.
- e. Graduan akan ke kaunter pengambilan jubah manakala ibu bapa (atau ahli keluarga/waris) akan menunggu di ruang fotografi yang dikhaskan untuk sesi fotografi bersama graduan.

**Pengambilan jubah**

- a. Petugas di kaunter agihan jubah perlu memakai pelitup muka (*face mask*) dan sentiasa membersihkan tangan (*hand sanitizer*).
- b. Graduan mengambil jubah, *bonnet/mortar board* dan hud serta selempang (jika graduan merupakan penerima anugerah). Jubah yang digunakan tidak dikongsi dengan graduan lain.
- c. Graduan yang telah lengkap memakai jubah akan ke ruang fotografi untuk sesi fotografi.

**Fotografi**

- a. Jurugambar akan memakai pelitup muka (*face mask*).

**TINDAKAN****PENERANGAN RINGKAS**

- |   |  |
|---|--|
|   | <ul style="list-style-type: none"> <li>b. Semasa sesi fotografi, graduan perlu memasukkan pelitup muka (<i>face mask</i>) mereka ke dalam plastik yang disediakan dan mengambilnya setelah sesi fotografi selesai.</li> <li>c. Graduan akan berdiri di lokasi yang telah ditanda untuk dirakam gambar.</li> <li>d. Selesai rakaman gambar, graduan perlu membersihkan tangan (<i>hand sanitizer</i>) sebelum ke ruang fotografi bersama ibu bapa.</li> </ul>   |
| <b>Pemulangan jubah</b>                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Graduan dan petugas perlu memakai pelitup muka (<i>face mask</i>).</li> <li>b. Graduan akan memulangkan jubah, <i>bonnet/mortar board</i>, hud dan selempang dengan memasukkannya ke dalam plastik dan rak yang telah disediakan di kaunter pemulangan jubah.</li> <li>c. Bagi graduan yang memulangkan jubah pada hari-hari berikutnya, graduan perlu memasukkan jubah berkenaan ke dalam plastik sebelum ianya dimasukkan ke dalam rak yang disediakan di lokasi pemulangan jubah.</li> <li>d. Graduan yang telah memulangkan jubah akan ke kaunter pengambilan skrol dan transkrip.</li> <li>e. Graduan yang belum memulangkan jubah/ingin meminjam jubah untuk pengambilan gambar di luar dewan/kampus akan terus keluar dewan.</li> <li>f. Jubah yang telah digunakan akan diserahkan kepada syarikat yang telah dilantik untuk proses cucian kering (<i>dry clean</i>).</li> </ul> |
| <b>Penyerahan skrol dan transkrip rasmi</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Graduan dan petugas perlu memakai pelitup muka (<i>face mask</i>).</li> <li>b. Graduan yang telah memulangkan jubah akan mengambil skrol dan transkrip rasmi sebelum keluar dewan.</li> </ul>  |
| <b>Pengambilan gambar di luar dewan</b>     | <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Graduan yang ingin mengambil gambar di luar dewan perlu mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</li> <li>b. Graduan tidak dibenarkan berkumpul di luar dewan.</li> </ul>   |
| <b>Ruang penganugerahan</b>                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Melakukan pembersihan dan nyah kuman ruang dan kawasan sekitarnya sebelum dan selepas sesi penganugerahan.</li> <li>b. Memastikan ruang penganugerahan mempunyai pengudaraan yang baik.</li> <li>c. Penjarakan fizikal 1 meter antara susunan tempat duduk ibu bapa (atau ahli keluarga/waris).</li> <li>d. Penggunaan tandas perlu dirujuk kepada petugas bagi memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak berlaku kesesakan.</li> </ul>   |

**TINDAKAN****PENERANGAN RINGKAS**

	e.	Kemudahan ruang solat tidak disediakan.
<b>Ruang menunggu</b>	a.	Ruang menunggu disediakan kepada graduan dan ibu bapa (atau ahli keluarga/waris) sebelum giliran mereka memasuki dewan.
	b.	Ruang menunggu (khemah) disediakan kepada ahli keluarga/waris/pemandu (jika ada).
	c.	Penjarakan fizikal 1 meter antara susunan tempat duduk di ruang menunggu.
	d.	Graduan dan ibu bapa (atau ahli keluarga/waris/pemandu) perlu sentiasa memakai pelitup muka ( <i>face mask</i> ).
<b>Kehadiran graduan dan ahli keluarga</b>	a.	Setiap graduan dibenarkan membawa dua (2) orang ahli keluarga sahaja.
	b.	Setiap kenderaan dibenarkan maksimum empat (4) orang sahaja iaitu:
		Graduan - 1 orang
		Ibu bapa/ahli keluarga - 2 orang
		Pemandu (ahli keluarga/teksi/ <i>e-hailing</i> ) - 1 orang

**4.0 TARIKH/ MASA/LOKASI PENGANUGERAHAN**

**Tarikh** : 7 November 2020 sehingga 9 Januari 2021 (tertakluk kepada pindaan)

**Waktu Kehadiran** : 8:00 pagi hingga 5:00 petang (setiap hari termasuk hari Sabtu dan Ahad dan Cuti Umum)

**Tempat** : 13 lokasi (UiTM Shah Alam dan semua kampus cawangan UiTM)

- i. UiTM Shah Alam
- ii. UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar
- iii. UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang
- iv. UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka
- v. UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah
- vi. UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat
- vii. UiTM Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani
- viii. UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau
- ix. UiTM Cawangan Perlis, Kampus Arau
- x. UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
- xi. UiTM Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu
- xii. UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh
- xiii. UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan

**5.0 KAPASITI**

- 5.1 Graduan akan **hadir secara bergilir** mengikut masa yang ditetapkan di dalam jadual janji temu.

- 5.2 Jumlah graduan yang hadir dalam sehari (8:00 pagi hingga 5:00 petang) adalah **300 orang**.

## **6.0 KUAT KUASA**

Panduan ini berkuat kuasa pada 01 September 2020.

## **7.0 PEMAKAIAN**

- 7.1 Pelaksanaan panduan ini adalah khusus untuk pengoperasian Penganugerahan Diploma/Ijazah secara Janji Temu.
- 7.2 Pelaksanaan panduan ini adalah tertakluk kepada arahan kerajaan/Kementerian Pengajian Tinggi/Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa.